



" ZIKRUL MAUT MENJANA KEINSAFAN "

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ
لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ .

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ
وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan kualiti iman dan taqwa kita ke hadrat Allah SWT, kerana iman dan taqwa merupakan sebaik-baik bekalan menuju ke hari akhirat kelak.

Tajuk khutbah kita pada kali ini adalah "**Zikrul Maut Menjana Keinsafan**".

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Kehidupan kita di dunia ini bermula dengan dilahirkan daripada rahim ibu. Kemudian, setelah kita hidup beberapa lama yang ditentukan Allah SWT, kita akan menemui ajal yang tidak boleh dielakkan, di mana kematian akan menjemput setiap yang bernyawa.

Imam Hasan al-Basari berkata :

"Ingatlah bahawa mati itu akan datang dengan serta-merta. Jika mati tidak datang dengan serta-merta, sakit akan datang serta-merta. Jika sakit, anda akan kurang berupaya melakukan amal soleh, sedangkan amal soleh itu adalah bekalan hari akhirat".

Zikrul maut atau mengingati mati adalah satu perkara yang dipuji oleh syarak. Rasulullah S.A.W. bersabda;

فَاكْثَرُوا مِنْ ذِكْرِ هَازِمِ اللَّذَاتِ الْمَوْتِ.

"Banyakkanlah kamu akan menyebut perkara yang memutuskan segala kesedapan, iaitu mati".

(Riwayat at Tirmizi)



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Sesungguhnya perjalanan menuju hari akhirat merupakan suatu perjalanan yang panjang, berliku-liku, banyak halangan dan cabaran. Untuk menempuhnya, kita memerlukan suatu perjuangan dan pengorbanan, bagi menentukan, apakah kesudahan kita, sama ada sebagai penghuni syurga atau neraka.

Perjalanan ke akhirat itu dimulai dengan kematian, kemudian bersemadi di alam barzakh (kubur). Seterusnya dibangkitkan di alam akhirat. Oleh kerana keagungan perjalanan ini, Rasulullah s.a.w. telah bersabda, yang bermaksud;

"Jikalau engkau mengetahui apa yang aku ketahui, menjadikan engkau sedikit ketawa dan banyak menangis".

(Muttafaqun 'Alaihi)

Hadis ini menjelaskan kepada kita, agar menghayati hakikat kematian dan keadaan alam akhirat, serta peristiwa di dalamnya, supaya kita akan menginsafi bahawa selepas kehidupan ini, kita akan bertemu pula dengan hari akhirat. Ketika itu, amalan kita akan dinilai. Tiada suatu pun yang dapat disembunyikan. Kemudian, kita dibalas dengan syurga dan neraka.


Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Meninjau peristiwa ketika nyawa dicabut oleh malaikat maut, nafas kita tersekat-sekat, mulut terkunci dan anggota badan lemah longlai. Hanya kedengaran tangisan dan rintihan isteri-isteri, anak-anak dan sanak-saudara yang bakal ditinggalkan. Pada saat itu, tiada yang boleh



menolong kita. Walaupun di sisi kita ada doktor pakar, ulama' tersohor atau orang kenamaan yang disegani. Namun, mereka tiada daya dan upaya untuk menyelamatkan kita daripada sakaratul maut.

Firman Allah SWT dalam surah an-Nisa' ayat 78;

أَيْنَمَا تَكُونُوا يُدْرِكْكُمُ الْمَوْتُ وَلَوْ كُنْتُمْ فِي بُرُوجٍ
مُشِيدَةٍ... 

"Di mana jua kamu berada, kematian akan mendapatkan kamu (bila sampai ajal), sekalipun kamu berada dalam benteng-benteng yang tinggi lagi kukuh..."

Menurut Tafsir al-Maraghiy, kematian itu sesuatu yang tidak dapat dihindari sama sekali, di mana jua kita berada, sekalipun tinggal dalam benteng-benteng yang kukuh atau dalam markas-markas yang dijaga oleh bala tentera atau dalam istana yang dikawal ketat oleh pengawal, mati tetap berlaku tanpa mengira sesiapa.

Menurut satu peristiwa yang diriwayatkan daripada Abu Saad dalam tafsir 'Abrul Athir, "malaikat Izrail iaitu malaikat yang tugasnya mencabut nyawa, telah menghadiri satu majlis di istana Nabi Sulaiman a.s., di mana orang ramai sedang mengadap Baginda. Maka malaikat itu memandang kepada salah seorang yang hadir, dengan pandangan yang menggerunkan. Apabila malaikat itu berdiri, bertanyalah orang itu kepada Nabi Sulaiman, "Siapakah gerangan dia wahai tuanku? Nabi Sulaiman a.s. menjawab, "itu adalah malaikat maut". Orang itu pun tergesa-gesa meminta Nabi Sulaiman menghantarnya jauh ke alam lain, kerana dia



terlalu takut melihat orang itu. Nabi Sulaiman a.s. dengan mukjizatnya, memerintahkan angin menerbangkan orang itu jauh ke alam lain.

Sedang tidak berapa lama kemudian, datang lagi malaikat maut itu menemui Nabi Sulaiman a.s., menceritakan kisahnya, dengan berkata, "saya diperintahkan oleh Allah SWT mencabut nyawa tetamu tuan, di saat saya menghadiri majlis tadi. Tetapi, tempatnya bukan di sini, jauh di alam lain. Apabila saya dapati dia di sini, saya sungguh hairan, mengapa dia masih di sini. Dengan tidak semena-mena, orang itu telah diterbangkan angin ketika itu juga, ke tempat di mana nyawanya telah saya cabut, tepat tidak berselisih walau sesaat pun dari waktu yang ditentukan ajalnya.

Demikianlah tepatnya waktu dan masa seseorang itu menghadapi kematian apabila sampai ajalnya, tanpa boleh melarikan diri atau menangguhkan walau sesaat pun.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Seseorang yang hanya bersenang-senang dengan nikmat kemewahan dunia dan meninggalkan ibadah kepada Allah SWT, akan menjadikan dia lupa akan mati dan menganggap mati itu tidak akan berlaku secara spontan.

Menurut Imam Al Ghazali, cara yang paling baik untuk mengingati mati ialah dengan selalu mengenang dan mengingati rakan-rakan atau teman-teman yang telah meninggalkan dunia. Kita fikirkan bagaimana nasib mereka di dalam kubur, dan bagaimana pula keadaan mereka sesudah mati.

Bayangkan betapa bumi telah menghapuskan jasad yang sempurna itu, sehingga semua anggota mereka hancur lumat dimakan tanah.



Kemudian, kita bayangkan pula diri kita akan menjadi seperti mereka. Apa yang telah menimpa ke atas diri mereka, akan turut menimpa ke atas diri kita juga. Kita akan diusung orang ke kubur, ditanam dan dibiarkan tinggal bersendirian dalam liang lahad yang gelap gelita.

Apakah tidak cukup kematian itu sebagai nasihat, tidak cukupkah kematian menjadikan kita insaf, menjadikan air mata berlinangan. Mati tetap berlaku. Terlucut semua pangkat dan gelaran yang dibanggakan, terlupus segala kekayaan yang dikumpulkan, tinggal rumah dan kenderaan yang dimiliki kerana kematian itu penghalang kepada segala kenikmatan. Kematian juga pemutus segala cita-cita. Ketika itu, hanya iman dan amal soleh akan membela dan melindungi kita. Apakah kita telah bersiap sedia?

Oleh itu, kita perlu muhasabah diri dan bertaubat kepada Allah SWT atas dosa yang kita lakukan. Jangan pula kita melengah-lengahkan untuk bertaubat. Allah SWT memberi peringatan kepada hamba-hamba-Nya yang menangguhkan taubat.

Firman Allah SWT dalam surah An-Nisa' ayat 18;

وَلَيْسَتِ التَّوْبَةُ لِلَّذِينَ يَعْمَلُونَ السَّيِّئَاتِ حَتَّىٰ إِذَا
حَضَرَ أَحَدَهُمُ الْمَوْتُ قَالَ إِنِّي تُبْتُ الْعَنَ وَلَا الَّذِينَ
يَمُوتُونَ وَهُمْ كُفَّارٌ أُولَٰئِكَ أَعْتَدْنَا لَهُمْ عَذَابًا





"Dan tidak ada gunanya taubat itu kepada orang yang selalu melakukan kejahatan, hingga apabila salah seorang daripada mereka hampir mati, dia berkata; "Sesungguhnya aku bertaubat sekarang ini". (sedangkan taubatnya itu sudah terlambat) dan (demikian juga halnya) orang yang mati sedangkan mereka tetap kafir. Orang yang demikian, Kami telah sediakan bagi mereka azab yang pedih".

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Kesimpulan, zikrul maut atau mengingati mati akan memberi beberapa kesan kebaikan, antaranya:-

1. Memberi keinsafan kepada kita supaya tidak lagi melakukan dosa dan maksiat serta menjadi orang yang bertaqwa.
2. Menyedarkan kita untuk meningkatkan imah dan amal ibadah untuk bekalan di hari akhirat kelak.
3. Mendorong kita bertaubat dan mengqada' perintah Allah SWT yang ditinggalkan seperti solat, puasa, membayar zakat dan menyelesaikan urusan kita dengan orang lain.
4. Meningkatkan usaha membangunkan diri dan berbakti kepada masyarakat dan melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi serta amanah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ



قُلْ إِنَّ الْمَوْتَ الَّذِي تَفِرُّونَ مِنْهُ فَإِنَّهُ مُلَاقِيكُمْ
ثُمَّ تُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا
كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya maut yang kamu cuba lari dari dirinya itu, tetap akan menemui kamu; kemudian kamu akan dikembalikan kepada Allah yang mengetahui segala yang ghaib dan yang nyata, lalu Dia memberitahu kepada kamu apa yang kamu telah lakukan (serta membalasnya)".

(Al-Jumu'ah : 8)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.



أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا
مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ
إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنَ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلاَحِ الدِّينِ
عبد العزيز شاه الحاج.

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُؤَيِّدَ عَهْدَ سَلَاعُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ



إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِّ فِي أَمْنٍ
وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ
وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطِّلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ
وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى
وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang melimpahkan rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri idaman, maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru, kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, tambahkan kami dengan ilmu dan kemahiran, suburkanlah jiwa kami dengan akhlak mulia, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya hidup kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukannya hati kami, untuk melaksanakan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau fardhukan. Berkatilah hidup orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.



Demikian jua Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya di negeri ini, limpahkanlah nikmat iman dan kesihatan yang berpanjangan kepada mereka, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ
وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.